AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : COVID-19



SEORANG lelaki merakam gambar replika Transformers gergasi di Jalan Datuk Keramat, Georgetown yang kini lengang berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

# Keputusan umat Islam guna vaksin hari ini

**Putrajaya:** Keputusan penggunaan vaksin Covid-19 dari luar negara sama ada boleh digunakan umat Islam di negara ini akan diketahui hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri berkata, perkara itu dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas kali ke-10 Tahun 2020 Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), semalam.

Beliau berkata, mesyuarat itu turut diberikan taklimat berkenaan vaksin Covid-19 oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Hishamshah Mohd Ibrahim.

Katanya, pihaknya akan mengambil kira semua pandangan daripada Ahli Jawatankuasa Muzakarah dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum membuat keputusan bagi meluluskan vaksin terbabit.

"Kami akan menilai daripada segi agama untuk membuat keputusan dan hujah mengenai keputusan berkenaan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan KKM akan memantau penggunaan vaksin dibangunkan syarikat gergasi farmaseutikal, Pfizer dan BioNTech secara darurat di Britain seawal minggu depan.

Ia susulan pengumuman kerajaan negara itu menerima cadangan Agensi Perundangan Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (MHRA) untuk meluluskan vaksin Covid-19 *Pfizer-BioTech.*

Zulkifli berkata, bagi Wilayah Persekutuan keputusan muzakarah itu akan disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk mendapat perkenan.

Beliau berkata, bagi negeri lain, keputusan akan ditentukan Sultan yang juga ketua agama di negeri masing-masing.

# *11 kematian semalam*

**Kuala Lumpur:** Sebelas kes kematian akibat Covid-19 direkodkan semalam, menjadikan ia antara jumlah kes kematian tertinggi pernah dicatatkan sepanjang penularan pandemik ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 11 kematian direkodkan itu membabitkan tujuh wanita dan empat lelaki tempatan berusia 50 hingga 81 tahun.

"Kematian direkodkan di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Sabah dengan 10 daripadanya memiliki rekod penyakit kronik," katanya.

Pada masa sama, kes positif Covid-19 kembali empat angka dengan 1,075 kes direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dr Noor Hisham berkata, ini menjadikan jumlah kes positif di Malaysia kepada 69,095 kes dengan jumlah kes aktif kebolehjangkitan adalah 10,802 kes.

"Hanya tiga kes import direkodkan hari ini (semalam) manakala selebihnya adalah kes jangkitan tempatan.

"Negeri di Lembah Klang melaporkan jumlah kes harian 508 kes dengan Selangor merekodkan 459 kes.

"Sabah merekodkan 310 kes diikuti dengan Johor sebanyak 78 kes," katanya.